



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **PENGAPLIKASIAN BAHAN BANTU MENGAJAR BERASASKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**NOR ASMIDAR BINTI HISHAMUDIN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2023**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGAPLIKASIAN BAHAN BANTU MENGAJAR BERASASKAN  
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DALAM PENGAJARAN  
DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU**

**NOR ASMIDAR BINTI HISHAMUDIN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA  
MUDA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2023**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
ii

## PERAKUAN

Saya memperakui bahawa Laporan Projek Tahun Akhir ini ialah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan yang tiap-tiap satunya telah dinyatakan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Tandatangan:

Nama: NOR ASMIDAR BINTI HISHAMUDIN

No. Matrik: D20191087788

Tarikh:



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
ii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

iii



## PENGESAHAN

### PENGAPLIKASIAN BAHAN BANTU MENGAJAR BERASASKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU

OLEH:

**NOR ASMIDAR BINTI HISHAMUDIN**

**D20191087788**



05-4506832

Kertas Projek Tahun Akhir ini dikemukakan bagi memenuhi syarat untuk memperoleh **Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu dengan kepujian.**

.....  
Dr. Norfaizah binti Abdul Jobar,  
Pensyarah Penyelia,  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

.....  
Tarikh

.....  
Dr. Zuraini binti Ramli,  
Ketua Jabatan,  
Jabatan Bahasa dan Kesusastraan Melayu,  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

.....  
Tarikh



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdullilah ke hadrat Allah S.W.T kerana limpah dan kurnia-Nya dapatlah saya menyempurnakan kertas projek ini dengan jayanya walaupun menempuh pelbagai dugaan dan rintangan. Diharapkan segala hasil usaha ini dapat memberikan pendedahan kepada semua pihak yang terlibat.

Melalui ruangan ini, saya ingin merakamkan jutaan penghargaan serta ucapan terima kasih buat kedua ibu bapa saya yang tercinta iaitu Sharifah binti Mat Noh dan Hishamudin bin Awang Ali kerana telah memberi banyak dorongan, nasihat serta sentiasa mendoakan kejayaan saya tanpa putus. Tidak dilupakan seluruh ahli keluarga saya yang tidak pernah jemu memberi sokongan kepada saya untuk meneruskan perjuangan ini sehingga tamat.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ingin saya ucapkan kepada pensyarah penyelia yang disayangi, Dr. Norfaizah binti Abdul Jobar kerana telah membimbing serta memberikan sepenuhnya komitmen dalam membantu saya menyiapkan kertas projek ini dengan berkongsi buah fikiran tanpa mengira masa. Bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan kepada diri ini dapat menambah semangat saya dalam usaha menyempurnakan projek tahun akhir dengan lebih baik. Kesungguhan yang telah diberikan oleh beliau amatlah saya hargai. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ingin saya sampaikan kepada pensyarah yang mengajar kursus BMR 3996 (Projek Tahun Akhir Bahasa Melayu) iaitu Dr. Zuraini binti Ramli kerana telah mengajar dan membimbing saya berkaitan penyediaan Projek Tahun Akhir dengan menyampaikan pelbagai maklumat.

Di samping itu, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua sahabat serta rakan seperjuangan saya yang berada di dalam Legasi Abdul Rahim Kajai kerana banyak membantu dalam menyiapkan Projek Tahun Akhir ini bersama-sama. Mereka adalah sebahagian daripada keluarga saya ketika berada di universiti. Mereka juga sering memberi tunjuk ajar, dorongan, berkongsi maklumat serta tidak lokek untuk menyalurkan pandangan kepada saya.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses pelaksanaan Projek Tahun Akhir ini. Semoga hasil kajian ini dapat memberi banyak manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.





## ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan mengenal pasti tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu terhadap pengaplikasian BBM berasaskan TMK; mengenal pasti tahap penggunaan BBM berasaskan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu; mengenal pasti persepsi guru terhadap kepentingan pengaplikasian BBM berasaskan TMK dalam pembelajaran Bahasa Melayu; dan menganalisis hubungan antara tahap pengetahuan, tahap penggunaan dan persepsi guru terhadap kepentingan mengaplikasikan BBM berasaskan TMK. Pelaksanaan kajian ini berpandukan Teori Kecerdasan Pelbagai dan Model Pembelajaran *Kolb* yang dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif deskriptif berbentuk tinjauan. Borang soal selidik merupakan instrumen untuk mengumpulkan data. Seramai 70 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar tingkatan 1 hingga tingkatan 5 di negeri Pahang, Malaysia terlibat sebagai sampel kajian. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif untuk mencatatkan kekerapan, peratusan dan nilai skor min yang menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Version 29.0* (SPSS). Analisis dapatan kajian telah menunjukkan ketiga-tiga konstruk berada pada tahap tinggi iaitu tahap pengetahuan (skor min 4.05), tahap penggunaan (skor min 3.92) dan persepsi guru terhadap kepentingan pengaplikasian BBM berasaskan TMK (skor min 4.28). Selain itu, dapat dilihat terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan, tahap penggunaan dan persepsi guru Bahasa Melayu terhadap pengaplikasian BBM berasaskan TMK. Secara keseluruhannya, pelaksanaan kajian ini dapat memberi implikasi kepada guru Bahasa Melayu, murid dan pihak sekolah bagi meningkatkan kualiti pengajaran serta penguasaan yang lebih berkesan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

**Kata Kunci:** Tahap, TMK, Bahasa Melayu, Persepsi, Bahan Bantu Mengajar





## APPLICATION OF TEACHING MATERIALS BASED ON INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY IN THE TEACHING OF THE MALAY LANGUAGE

### ABSTRACT

This study was carried out to identify the level of knowledge of Bahasa Melayu teachers regarding the application of BBM based on TMK; identify the level of use of BBM based on TMK in the teaching and learning of Malay; identify teachers' perceptions of the importance of applying BBM based on TMK in learning Malay; and analyze the relationship between the level of knowledge, the level of use and the teacher's perception of the importance of applying BBM based on TMK. The implementation of this study is guided by Multiple Intelligence Theory and Kolb's Learning Model which is carried out using descriptive quantitative methods in the form of a survey. A questionnaire is an instrument for collecting data. A total of 70 Malay teachers who teach form 1 to form 5 in the state of Pahang, Malaysia were involved as a study sample. The data obtained was analyzed descriptively to record the frequency, percentage and mean score using the Statistical Package for Social Science Version 29.0 (SPSS) software. Analysis of the findings of the study has shown that all three constructs are at a high level, namely the level of knowledge (mean score 4.05), the level of use (mean score 3.92) and the teacher's perception of the importance of applying BBM based on TMK (mean score 4.28). In addition, it can be seen that there is a significant relationship between the level of knowledge, the level of use and the perception of Malay teachers towards the application of BBM based on TMK. Overall, the implementation of this study can give implications to Malay teachers, students and schools to improve the quality of teaching and more effective mastery of Malay subjects.

**Keywords:** Level, TMK, Malay Language, Perception, Teaching Aids





## SENARAI KANDUNGAN

|  |          |
|--|----------|
| PERAKUAN .....   | ii       |
| PENGESAHAN .....   | iii      |
| PENGHARGAAN.....   | iv       |
| ABSTRAK.....   | v        |
| ABSTRACT .....   | vi       |
| SENARAI KANDUNGAN .....  | vii      |
| SENARAI JADUAL .....   | x        |
| SENARAI RAJAH.....   | xi       |
| SENARAI LAMPIRAN .....   | xi       |
| SENARAI SINGKATAN .....  | xii      |
| <b>BAB 1 .....</b>   | <b>1</b> |
| <b>PENDAHULUAN .....</b>   | <b>1</b> |
| 1.1 Pengenalan.....  | 1        |
| 1.2 Latar Belakang Kajian.....   | 3        |
| 1.3 Pernyataan Masalah.....  | 6        |
| 1.4 Objektif kajian .....  | 8        |
| 1.5 Soalan Kajian .....  | 8        |
| 1.6 Hipotesis Kajian .....   | 9        |
| 1.7 Kerangka Konseptual .....  | 10       |
| 1.8 Kepentingan Kajian.....  | 11       |
| 1.8.1 Memberi pendedahan kepada Guru Bahasa Melayu berkenaan keberkesanan penggunaan BBM berasaskan TMK dalam pengajaran Bahasa Melayu. .... | 11       |
| 1.8.2 Menganalisis persediaan Guru Bahasa Melayu dalam mengaplikasikan BBM berasaskan TMK. ....  | 12       |
| 1.8.3 Memberi pendedahan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menambah baik penerapan BBM berasaskan TMK. ....                        | 13       |
| 1.9 Batasan Kajian .....   | 15       |
| 1.10 Definisi Operasional.....   | 16       |
| 1.10.1 Bahan Bantu Mengajar (BBM).....   | 16       |
| 1.10.2 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) .....   | 17       |
| 1.10.3 Pengajaran .....  | 18       |
| 1.10.4 Pembelajaran .....  | 19       |





|   |           |
|---|-----------|
| 1.10.5 Bahasa Melayu.....   | 20        |
| 1.11 Rumusan .....  | 20        |
| <b>BAB 2 .....</b>  | <b>21</b> |
| <b>TINJAUAN LITERATUR .....</b>   | <b>21</b> |
| 2.1 Pengenalan .....  | 21        |
| 2.2 Teori Kecederdasan Pelbagai dalam Proses PdP .....  | 22        |
| 2.3 Model Pembelajaran Kolb .....   | 23        |
| 2.4 Tinjauan Kajian Lepas.....  | 25        |
| 2.4.1 Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) .....  | 25        |
| 2.4.2 Penggunaan dan pelaksanaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) berdasarkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) ..... | 29        |
| 2.4.3 Tahap Pengetahuan dan kesediaan Guru Terhadap Pengaplikasian BBM dalam Proses PdP .....                         | 32        |
| 2.4.4 Persepsi guru dan pelajar terhadap penggunaan BBM .....   | 35        |
| 2.6 Rumusan .....   | 38        |
| <b>BAB 3 .....</b>  | <b>39</b> |
| <b>METODOLOGI KAJIAN.....</b>   | <b>39</b> |
| 3.1 Pengenalan .....  | 39        |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian .....  | 40        |
| 3.3 Sampel Kajian.....  | 40        |
| 3.4 Instrumen Kajian.....   | 42        |
| 3.5 Prosedur Pengumpulan Data.....  | 43        |
| 3.6 Prosedur Penganalisan Data .....  | 44        |
| 3.6.1 Penganalisan Data Objektif 1, Objektif 2 dan Objektif 3 .....   | 44        |
| 3.6.2 Penganalisan Data Objektif 4 .....  | 46        |
| 3.7 Rumusan .....   | 47        |
| <b>BAB 4 .....</b>  | <b>48</b> |
| <b>ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN .....</b>  | <b>48</b> |
| 4.1 Pengenalan .....  | 48        |
| 4.2 Analisis Demografi Responden .....  | 49        |
| 4.3 Analisis Tahap Pengetahuan guru Bahasa Melayu Terhadap Pengaplikasian BBM Berasaskan TMK .....                    | 52        |
| 4.4 Tahap Penggunaan BBM Berasaskan TMK Dalam PdP Bahasa Melayu .....   | 59        |
| 4.5 Persepsi Guru Terhadap Kepentingan Pengaplikasian BBM Berasaskan TMK Dalam PdP Bahasa Melayu .....                | 67        |





|  |           |
|--|-----------|
| 4.6 Analisis Hubungan antara Tahap Pengetahuan, Tahap Penggunaan dan Persepsi guru terhadap kepentingan mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK dalam pengajaran Bahasa Melayu ..... | 74        |
| 4.6.1 Analisis Hubungan antara Tahap Pengetahuan dengan Tahap Penggunaan dalam mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK.....  | 74        |
| 4.6.2 Analisis Hubungan antara Tahap Pengetahuan dengan Persepsi Guru .....  | 75        |
| 4.6.3 Analisis Hubungan antara Tahap Penggunaan dengan Persepsi Guru .....   | 76        |
| 4.7 Rumusan .....  | 77        |
| <b>BAB 5 .....</b>   | <b>78</b> |
| <b>PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN .....</b>   | <b>78</b> |
| 5.1 Pengenalan .....   | 78        |
| 5.2 Rumusan Dapatan Kajian .....   | 78        |
| 5.2.1 Analisis Tahap Pengetahuan guru Bahasa Melayu Terhadap Pengaplikasian BBM Berdasarkan TMK .....  | 79        |
| 5.2.2 Analisis Tahap Penggunaan BBM Berdasarkan TMK Dalam PdP Bahasa Melayu .....  | 80        |
| 5.2.3 Analisis Persepsi Guru Terhadap Kepentingan Pengaplikasian BBM Berdasarkan TMK Dalam PdP Bahasa Melayu .....   | 82        |
| 5.2.4 Hubungan antara Tahap Pengetahuan, Tahap Penggunaan dan Persepsi Guru Terhadap Kepentingan Pengaplikasian BBM Berdasarkan TMK. ....  | 84        |
| 5.3 Implikasi Kajian .....   | 86        |
| 5.3.1 Implikasi kepada Guru Bahasa Melayu .....  | 86        |
| 5.3.2 Implikasi kepada Murid .....   | 87        |
| 5.3.3 Implikasi kepada Pihak Sekolah.....  | 87        |
| 5.4 Cadangan Kajian .....  | 88        |
| 5.4.1 Sampel Kajian .....  | 89        |
| 5.4.2 Reka Bentuk Kajian .....   | 89        |
| 5.5 Penutup .....  | 90        |
| <b>RUJUKAN .....</b>   | <b>91</b> |
| <b>LAMPIRAN .....</b>  | <b>96</b> |
| Lampiran A.....  | 96        |
| Lampiran B .....   | 104       |





## SENARAI JADUAL

| No. Jadual | Tajuk  | Halaman |
|------------|--|---------|
| 3.1        | Jadual Krejcie dan Morgan (1970)   | 41      |
| 3.2        | Skala Likert 5 mata  | 43      |
| 3.3        | Skala dan Tahap Interpretasi Min   | 46      |
| 3.4        | Kekuatan Korelasi Davies (1971)  | 46      |
| 4.1        | Analisis Demografi Responden   | 49      |
| 4.2        | Analisis Tahap Pengetahuan guru Bahasa Melayu Terhadap Pengaplikasian BBM Berdasarkan TMK  | 53      |
| 4.3        | Analisis Tahap Penggunaan BBM Berdasarkan TMK dalam PdP Bahasa Melayu  | 60      |
| 4.4        | Analisis Persepsi Guru Terhadap Kepentingan Pengaplikasian BBM Berdasarkan TMK   | 67      |
| 4.5        | Analisis hubungan antara tahap pengetahuan dengan tahap penggunaan dalam mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK                                     | 74      |
| 4.6        | Analisis hubungan antara tahap pengetahuan dengan persepsi guru terhadap kepentingan mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK dalam PdP Bahasa Melayu | 75      |
| 4.7        | Analisis hubungan antara tahap penggunaan dengan persepsi guru terhadap kepentingan mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK dalam PdP Bahasa Melayu  | 76      |





## SENARAI RAJAH

| No. Rajah | Tajuk  | Halaman |
|-----------|--|---------|
| 1.1       | Kerangka Konseptual  | 10      |
| 2.1       | Model Gaya Pembelajaran Kolb   | 24      |
| 3.1       | Formula Pengiraan Peratus Kekerapan  | 45      |
| 3.2       | Formula Pengiraan Skor Min   | 45      |
| 5.1       | Analisis tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu terhadap pengaplikasian BBM berdasarkan TMK              | 79      |
| 5.2       | Analisis tahap penggunaan BBM berdasarkan TMK guru Bahasa Melayu dalam PdP                             | 81      |
| 5.3       | Analisis persepsi guru terhadap kepentingan pengaplikasian BBM berdasarkan TMK dalam PdP Bahasa Melayu | 83      |



## SENARAI LAMPIRAN

| Bil. | Tajuk                                     | Halaman |
|------|---|---------|
| 1.   | Lampiran A ( <i>Borang Soal Selidik</i> ) | 96      |
| 2.   | Lampiran B ( <i>Laporan Turnitin</i> )    | 104     |





## SENARAI SINGKATAN

|        |  |
|--------|--|
| BBM    | Bahan Bantu Mengajar                               |
| PdP    | Pengajaran dan Pembelajaran                        |
| TMK    | Teknologi Maklumat dan Komunikasi                  |
| Y.A.B  | Yang Amat Berhormat                                |
| BTP    | Pembestarian Sekolah                               |
| RPH    | Rancangan Pengajaran Harian                        |
| PAK-21 | Pembelajaran Abad Ke-21                            |
| SBP    | Sekolah Berasrama Penuh                            |
| KPM    | Kementerian Pendidikan Malaysia                    |
| FPK    | Falsafah Pendidikan Kebangsaan                     |
| IPTA   | Institut Pengajian Tinggi Awam                     |
| IPTS   | Institut Pengajian Tinggi Swasta                   |
| FBK    | Fakulti Bahasa dan Komunikasi                      |
| UPSI   | Universiti Pendidikan Sultan Idris                 |
| SPSS   | <i>Statistical Package For the Social Sciences</i> |
| STS    | Sangat Tidak Setuju                                |
| TS     | Tidak Setuju                                       |
| TP     | Tidak Pasti  |
| S      | Setuju   |
| SS     | Sangat Setuju                                      |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
1

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pengenalan

Kajian ini membincangkan berkaitan pengaplikasian BBM yang digunakan oleh guru semasa sesi PdP. Bab pendahuluan merupakan pengenalan kepada kajian ini yang mengandungi beberapa perkara iaitu pengenalan, latar belakang kajian yang dijalankan oleh pengkaji yang melibatkan tahap pengetahuan, tahap penggunaan serta persepsi guru terhadap kepentingan dalam mengaplikasikan BBM yang berdasarkan TMK akan dibincangkan dengan terperinci. Bab ini turut membincangkan pernyataan masalah yang hendak dikaji, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dijalankan, definisi kajian dan akhir sekali ialah rumusan. Selain itu, definisi operasional juga termasuk dalam bab ini yang akan memfokuskan kepada beberapa istilah yang terdapat dalam kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Proses PdP merupakan satu pendekatan yang mampu menjadi pendorong kepada seseorang murid untuk mencorakkan modal insan yang terdidik. Pengurusan proses PdP yang sistematik serta menggabungkan pelbagai teknologi akan melahirkan budaya PdP yang kreatif dan berinovatif. Hal ini kerana, proses PdP pada masa kini memerlukan gabungan TMK untuk menjadikan proses PdP menjadi lebih berkesan. Proses PdP yang hanya menumpukan kepada penggunaan buku teks atau kaedah lama iaitu guru menggunakan papan putih dan pen marker sahaja akan mengakibatkan proses pembelajaran yang dilaksanakan menjadi kurang menarik. Sesuatu proses PdP memerlukan guru untuk mengikuti arus pemodenan yang menggunakan TMK untuk menghasilkan proses PdP dengan lebih menarik dan akan memupuk minat murid-murid.

Dasar TMK dalam institusi Pendidikan yang telah dilancarkan pada tarikh 12 Oktober 2010 oleh Timbalan Perdana Menteri iaitu Y.A.B Tan Sri Dato Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin. Beliau menyarankan sebuah kerangka bagi mengatur perubahan di dalam sistem pendidikan negara iaitu memanfaatkan TMK di sekolah dan melakukan kerjasama dengan sektor awam, sektor swasta serta melibatkan komuniti (BTP, Pembestarian Sekolah 2010). Matlamat utama pengaplikasian TMK dalam bidang pendidikan adalah untuk membentuk generasi yang mempunyai keupayaan dalam meningkatkan inovasi terhadap sesuatu perkara.

Proses PdP akan menjadi lebih menarik sekiranya seseorang guru itu mampu menarik minat murid-muridnya apabila berada di dalam kelas. Melalui pengaplikasian BBM yang menggunakan pelbagai jenis TMK dalam pengajaran iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu, sudah pasti akan dapat menjadi strategi terbaik dalam menarik minat dan perhatian murid-murid dalam sesuatu proses PdP. Bukan itu sahaja, PdP turut menjadi lebih menyeronokkan jika seseorang guru itu menyediakan BBM yang lebih kreatif dan inovatif ketika mengendalikan kelas. Melalui penggunaan bahan yang menarik, guru akan mudah untuk mencapai objektif PdP yang telah ditetapkan di dalam RPH. Perkara ini disokong dalam kajian yang dilaksanakan oleh Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail (2016) yang menyatakan bahawa teknik pembelajaran yang berpusatkan murid akan menghasilkan pembelajaran yang lebih menyeronokkan serta mengurangkan tekanan ketika belajar. Jelaslah bahawa, pengaplikasian BBM





berasaskan TMK merupakan inisiatif yang menarik dan sememangnya akan membantu guru dalam proses PdP.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Institusi Pendidikan di Malaysia semakin berkembang mengikut arus pemodenan yang berteraskan TMK telah mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan. TMK mempunyai kepentingan dalam konteks masyarakat berpengetahuan sejajar dengan peredaran zaman. Perkara ini telah menjadi petunjuk untuk membentuk Malaysia menjadi negara yang lebih maju serta membangun. Tambahan pula, ledakan TMK dapat membantu meningkatkan inovasi dalam PdP ke arah membentuk sistem pendidikan bertaraf dunia dalam usaha meningkatkan kecemerlangan murid-murid yang berada di peringkat sekolah menengah. Perkara ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Nuraimi Kamis & Fariza Khalid (2017) menyatakan bahawa penggunaan TMK di dalam pendidikan dapat memberi kesan positif kepada guru serta murid-murid kerana kualiti pengajaran sangat dititikberatkan semasa melaksanakan langkah meningkatkan penggunaan peralatan sokongan yang efektif dalam PdP melalui penggunaan BBM yang berasaskan TMK. Penggunaan TMK turut memudahkan guru untuk menerapkan teori-teori pembelajaran, kemahiran dalam PdP serta kepakaran yang telah diasah mampu meningkatkan kualiti dalam bidang pendidikan. Oleh hal yang demikian, guru harus sentiasa bersedia untuk membuat perubahan selaras dengan peredaran zaman. Berdasarkan penggunaan TMK dalam pendidikan, guru akan dapat mempelbagaikan inovasi untuk menghadapi sesuatu masalah serta dapat memperbaiki amalan dalam PdP dan kualiti pendidikan di sekolah.

BBM telah menjadi salah satu kaedah yang diterapkan oleh pengajar atau guru di sekolah untuk menggalakkan murid-murid mengikuti PdP dengan lebih interaktif. BBM merupakan alat yang penting untuk diaplikasikan dalam proses PdP kerana penggunaan BBM akan membantu untuk menyampaikan isi pembelajaran yang jelas berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar oleh guru. Menurut Mazni Muhammad (2019) pengaplikasian BBM secara meluas telah menjadikan bahan tersebut sebagai suatu alat yang dapat memberikan keseronokkan serta dapat menarik minat murid-





murid terhadap PdP yang disampaikan oleh guru. Sehubungan dengan itu, penggunaan BBM akan dapat memupuk minat murid untuk mempelajari bahasa Melayu melalui pengalaman yang menyeronokkan.

Di samping itu, keberkesanan proses PdP turut dipengaruhi oleh aspek cara, fungsi penggunaan BBM dan kesesuaian penggunaannya dalam proses PdP. Menurut Norfarizah Mohd Bakhir & Mohd Zazril Ikhmal Zamri (2016) menyatakan bahawa guru perlu memberi penerangan yang teliti bagi setiap topik yang diajar seperti konsep dan situasi untuk memudahkan murid memahami sesuatu topik itu dengan lebih mendalam. Kebiasaanya guru akan menyampaikan pengajaran dengan menulis di atas papan putih yang akan mengambil masa yang lama. Perkara tersebut akan mengakibatkan guru mangambil masa yang lama untuk menyampaikan isi pelajaran dengan jelas dan akan menimbulkan rasa bosan, murid-murid kurang bersemangat serta mereka akan menganggap subjek tersebut sukar. Oleh hal yang demikian, guru perlu menggunakan BBM yang sesuai mengikut tahap penguasaan murid-murid bagi meningkatkan kefahaman mereka tentang sesuatu topik yang diajar serta dapat menjimatkan masa. Bagi meningkatkan prestasi pembelajaran murid, BBM yang sesuai perlulah dipilih dan disediakan oleh guru. Perkara ini dilakukan bertujuan untuk menjadikan persekitaran PdP lebih menarik, mudah difahami dan berkesan.

Pengaplikasian BBM yang sesuai memerlukan guru untuk sentiasa menerapkan kemahiran yang baik. Kemahiran merupakan kecekapan guru untuk menghasilkan sesuatu. Sekiranya guru tidak memupuk atau melatih kemahiran menggunakan TMK, maka mereka akan mengalami kesukaran untuk mengendalikan penggunaan BBM yang dipilih. Pemilihan BBM yang bersesuaian haruslah selari dengan kemahiran guru untuk membuat penilaian dan pertimbangan terhadap kepentingan dan keberkesanan BBM ketika mengaplikasikannya. Pemilihan BBM juga seharusnya mengikut tahap pencapaian murid yang diajar. Perkara ini dapat disokong dengan kajian Hanifah Mahat et. al (2021) yang menyatakan bahawa rupa dan bentuk pendidikan kini lebih tertumpu kepada konsep PAK-21. Hal ini kerana, kaedah pengajaran konvensional yang hanya melibatkan penggunaan peralatan di dalam kelas semata-mata akan menyebabkan proses pembelajaran menjadi membosankan serta tidak dapat menarik minat murid. Oleh itu, guru perlu melaksanakan kaedah yang kreatif dengan





menggunakan BBM yang menarik agar dapat memasukkan isi pengajaran yang bersesuaian dengan perkembangan semasa.

Perkembangan semasa di dalam bidang pendidikan negara menggambarkan peningkatan dan perubahan yang harus dilakukan oleh guru di dalam PdP agar dapat ditambah baik oleh para pendidik. Perubahan ini haruslah dilaksanakan secara berterusan. Hal ini kerana, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berusaha untuk menyediakan pelbagai kemudahan kepada pihak sekolah seperti rangkaian komputer bagi memudahkan lebih banyak mata pelajaran dapat diajar menggunakan TMK. Menurut Sharifah Fatimah Wan Jamel (2013) menyatakan bahawa perubahan zaman turut mendorong penggunaan teknologi moden dalam sistem pendidikan kerana akan mempermudahkan proses PdP. Perkara ini perlu dititikberatkan oleh guru-guru masa kini agar setiap murid dapat memahami pengajaran yang disampaikan.

Penggunaan BBM dalam proses PdP perlu diterapkan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menarik serta efektif di dalam kelas. Pemantapan penggunaan BBM yang diaplikasikan menggunakan TMK akan menjadi pendorong kepada kecemerlangan serta peningkatan prestasi akademik bagi seseorang murid. Oleh itu, pemahaman yang mendalam serta kemahiran yang cekap dalam menggunakan BBM berasaskan TMK harus dikuasai oleh guru masa kini agar dapat bergerak selari dengan sistem PAK-21. Hal ini kerana, seorang pendidik seharusnya mempunyai nilai tambah seperti kemahiran menggunakan teknologi sebagai asas melaksanakan PdP di dalam kelas. Menurut Siti Roshila Roslan & Noraini Omar (2020) telah menyatakan bahawa BBM yang mempunyai tahap komunikatif yang tinggi akan menggalakkan murid-murid untuk menghasilkan pengalaman belajar yang lebih bermakna dengan mengembangkan pelbagai sikap positif, emosi serta daya penghargaan. Hal ini menunjukkan bahawa BBM yang interaktif bukan sahaja dapat menarik minat murid-murid untuk mempelajari sesuatu topik pembelajaran malahan akan memastikan setiap murid dapat belajar dalam persekitaran yang menarik.

Kesimpulannya, BBM sangat penting untuk digunakan oleh guru dalam dunia pendidikan kerana bahan ini mampu mendorong kepada peningkatan prestasi murid serta





pemahaman mereka terhadap proses pembelajaran. Oleh itu, perkara tersebut telah menuntut para guru untuk melaksanakan PdP yang berteraskan inovasi dan teknologi dalam menyediakan BBM agar dapat bergerak seiring dengan perubahan zaman. Jelaslah bahawa pengkaji perlu melaksanakan kajian berkaitan dengan pengaplikasian BBM berdasarkan TMK dalam pengajaran bahasa Melayu yang melibatkan komunikasi, pemikiran kritis, kolaborasi dan kreativiti guru dalam menghasilkan PdP yang lebih berkesan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Dalam dunia pendidikan, terdapat banyak cabaran yang harus dihadapi oleh para guru serta pihak sekolah yang kian mengalami gelombang perubahan dalam melaksanakan proses pengajaran. Penekanan terhadap penggunaan BBM semakin dititikberatkan oleh pihak sekolah. Hal ini telah menuntut guru-guru untuk menggunakan pelbagai teknologi agar dapat melaksanakan PdP dengan lebih berkesan. Namun begitu, pengenalan terhadap BBM yang berdasarkan TMK tidak diperkenalkan secara menyeluruh di peringkat sekolah, lebih-lebih lagi guru yang mengajar di sekolah yang terletak di kawasan luar bandar amat sukar mendapatkan capaian internet bagi menggunakan teknologi dalam proses PdP.

Justeru itu, pengaplikasian BBM perlulah dititikberatkan dalam proses pengajaran guru-guru agar murid masa kini dapat menjadikan mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai subjek yang menarik. Penggunaan BBM sememangnya memerlukan usaha guru itu sendiri untuk meningkatkan mutu penyampaian mereka di dalam kelas. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Abdul Rahim Hamdan & Hayazi Mohd (2010) telah menyatakan bahawa tahap penggunaan BBM dalam kalangan guru teknikal adalah sederhana. Hasil kajian menunjukkan guru-guru lebih selesa menggunakan bahan yang bersifat bukan elektronik berbanding BBM yang menggunakan elektronik. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan bahan bercetak mempunyai tahap tertinggi dalam kalangan guru teknikal di SMT daerah Johor Bahru berbanding dengan pengaplikasian bahan-bahan elektronik.





Selain itu, terdapat kajian yang dijalankan oleh Noraini Mohamed Noh et.al (2013) menyatakan bahawa sikap para guru yang tidak memanfaatkan fungsi TMK dalam aktiviti PdP sudah tidak relevan kerana terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan mampu mendatangkan kelebihan terhadap proses PdP yang dilaksanakan. Kenyataan ini disokong oleh kajian Hani Meryleina (2012) dalam kajian Noraini Mohamed Noh, Mohd Arif Ismail & Mahizer Hamzah (2013) yang menyatakan bahawa tahap pengintergrasian TMK dalam PdP masih berada pada tahap yang rendah kerana pelbagai peralatan teknologi yang diperkenalkan oleh pihak KPM jarang digunakan oleh guru masa kini.

Seterusnya, menerusi kajian yang dijalankan oleh Noorazman Abd Samad et.al (2018) telah menyatakan bahawa kebanyakkan guru masih gemar mengamalkan kaedah pengajaran konvensional yang telah disifatkan sebagai proses pengajaran yang hanya berpusatkan guru sahaja kerana guru melaksanakan penyampaian secara satu hala. Perkara ini terjadi kerana terdapat guru-guru tidak berminat mengaplikasikan teknologi dan telah selesa menggunakan kaedah lama dan hanya memfokuskan papan putih ketika melaksanakan PdP. Hal ini membuktikan kebanyakkan guru masih tidak menunjukkan perubahan dalam proses penyampaian di dalam kelas. Situasi ini menjelaskan bahawa guru masih lagi tidak dapat mengoptimumkan penggunaan BBM dengan sebaiknya bagi meningkatkan tahap pencapaian murid-murid dalam proses PdP.

Menurut Intan Marfarrina Omar et.al (2021) menyatakan bahawa sebelum seseorang individu memperoleh pengetahuan dan kemahiran menggunakan peralatan elektronik seperti komputer, individu tersebut perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan fakta yang perlu difahami dan diingati. Individu tersebut perlu mengetahui kegunaan setiap peralatan elektronik yang dipilih sebelum menerapkan kemahiran TMK dalam proses PdP. Oleh itu, faktor kurangnya kemahiran dalam menggunakan alat dan perisian yang semakin canggih telah menyebabkan para guru masih tidak yakin terhadap kemahiran mereka untuk mengaplikasikan TMK dalam proses PdP.

Berpandukan kajian-kajian lepas berkaitan BBM yang menggunakan teknologi maklumat, jelas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai cabaran untuk





mengaplikasikan BBM yang menggunakan TMK. Perkara ini telah mendorong pengkaji untuk membuat kajian berkaitan berkaitan pengaplikasian BBM yang berasaskan TMK kerana perkara ini sangat ditekankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Oleh itu, tinjauan akan dilaksanakan di dalam kajian ini bagi melihat sejauh mana guru-guru Bahasa Melayu pada masa kini akan menggunakan dan melaksanakan BBM berasaskan TMK dalam PdP Bahasa Melayu.

#### 1.4 Objektif kajian

Objektif kajian telah dikemukakan bagi memastikan tujuan kajian yang dijalankan dapat dicapai. Berikut merupakan empat objektif yang ingin dicapai:

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu terhadap pengaplikasian BBM berasaskan TMK.
- ii. Mengenal pasti tahap penggunaan BBM berasaskan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.
- iii. Menjelaskan persepsi guru terhadap kepentingan pengaplikasian BBM berasaskan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.
- iv. Menganalisis hubungan antara tahap pengetahuan, tahap penggunaan dan persepsi guru terhadap kepentingan mengaplikasikan BBM berasaskan TMK.



#### 1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian ini, beberapa soalan telah dikenal pasti oleh pengkaji. Soalan-soalan berikut dikemukakan oleh pengkaji untuk memastikan objektif kajian yang ditetapkan dapat dicapai.





- i. Apakah tahap pengetahuan dan kemahiran guru-guru Bahasa Melayu ketika mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK ketika melaksanakan proses PdP Bahasa Melayu?
- ii. Adakah guru Bahasa Melayu kerap menggunakan BBM berdasarkan TMK dalam pelaksanaan PdP bahasa Melayu?
- iii. Bagaimanakah pandangan guru berkaitan kepentingan pengaplikasian BBM berdasarkan TMK dalam PdP Bahasa Melayu?
- iv. Adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan, tahap penggunaan dan persepsi guru terhadap kepentingan mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis yang dibentuk ini bertujuan mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan, tahap penggunaan dan persepsi guru terhadap kepentingan mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu seperti berikut:

Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan, tahap penggunaan dan persepsi guru terhadap kepentingan mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK.

$H_1$  1: Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap penggunaan dalam mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

$H_1$  2: Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan persepsi guru terhadap kepentingan mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

$H_1$  3: Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan dengan persepsi guru terhadap kepentingan mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK dalam pengajaran Bahasa Melayu.




## 1.7 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual merupakan kerangka yang dihasilkan oleh pengkaji sebagai panduan dan hala tuju bagi menjalankan sesuatu kajian. Berdasarkan kerangka konseptual, pengkaji akan lebih mudah untuk menghubungkan semua variabel dan idea utama dalam membuat penentuan variabel dengan idea-idea yang terlibat dalam kajian ini. Kerangka konseptual akan dipaparkan dalam bentuk grafik untuk menunjukkan perkaitan yang logik. Berikut merupakan rajah yang menunjukkan kerangka konseptual yang telah dihasilkan oleh pengkaji untuk melaksanakan kajian ini:

**Rajah 1.1**

*Kerangka Konseptual*





## 1.8 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai kepentingan yang telah ditetapkan mengikut kriteria tersendiri. Melalui kajian ini, pengkaji akan memfokuskan beberapa kepentingan untuk menilai penggunaan BBM dalam proses PdP. Perancangan PdP yang dilaksanakan oleh guru Bahasa Melayu dengan teliti akan lebih merangsang pemikiran dan pemahaman murid-murid terhadap proses pembelajaran yang dilaksanakan. Melalui pengaplikasian BBM berdasarkan TMK akan menghasilkan impak yang besar dalam meningkatkan kualiti PdP yang dilaksanakan oleh para guru. Penggunaan BBM ini akan dapat membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru kerana kaedah pengajaran akan sentiasa berubah mengikut peredaran zaman dan tahap penguasaan setiap murid. Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan memberi pelbagai kesan positif kepada guru bahasa Melayu serta pihak berkepentingan yang lain. Pihak-pihak yang terlibat sangat berperanan penting dalam memastikan kelancaran sistem pendidikan dalam proses PdP di dalam kelas. Oleh itu, pengkaji mengharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada mereka yang terlibat bagi meningkatkan mutu dan kecemerlangan di dalam pendidikan.



### 1.8.1 Memberi pendedahan kepada Guru Bahasa Melayu berkenaan keberkesanan penggunaan BBM berdasarkan TMK dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Kajian ini dilakukan untuk memberikan kepentingan kepada pelbagai pihak terutamanya guru Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah. Hal ini berikutan dengan pengenalan kaedah mengajar abad ke-21 yang ditetapkan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), guru-guru seharusnya mendapat pendedahan terhadap pengaplikasian teknologi yang dapat menghasilkan proses pembelajaran itu menjadi lebih lancar dan berkesan serta mewujudkan keceriaan ketika menuntut ilmu. Hal ini akan menjadikan murid tidak mudah berasa bosan ketika mengikuti pembelajaran. Oleh hal yang demikian, melalui pelaksanaan kajian ini guru Bahasa Melayu tidak perlu lagi menggunakan kaedah konvensional yang hanya memfokuskan papan putih atau buku teks semata-mata ketika melaksanakan PdP.





Seterusnya, kajian ini bukan sahaja dapat dilihat sebagai rujukan atau panduan kepada semua guru Bahasa Melayu, malah dapat memberikan pendedahan kepada guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah menengah dalam memberi pengetahuan baharu kepada mereka berkaitan pengaplikasian BBM yang sesuai agar dapat melancarkan lagi proses PdP. Pemilihan BBM yang baik akan mendorong guru-guru Bahasa Melayu untuk membuat penyampaian idea-idea yang kreatif sekaligus mudah diterima dan difahami oleh murid-murid semasa mereka menyampaikan pengajaran. Pendedahan terhadap penggunaan BBM berdasarkan TMK yang menggunakan video, audio, slaid interaktif, kuiz atau permainan atas talian akan memberikan keceriaan dalam diri seseorang murid di dalam pengajaran guru tersebut. Hal ini demikian kerana, sesuatu proses PdP yang berkesan memerlukan persediaan serta perancangan yang rapi oleh guru sebelum memulakan sesi pengajaran. Oleh itu, setiap guru perlulah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kreativiti mereka dalam menyediakan bahan pengajaran seperti BBM untuk digunakan di dalam sesi PdP.

Hasil dapatan dalam kajian ini juga akan menambah idea-idea baharu kepada para guru Bahasa Melayu ketika membuat persediaan bagi mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK dengan lebih berkesan. Pengaplikasian BBM juga akan memudahkan guru untuk mengambil tindakan awal dalam menambah baik atau mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengelakkan berlakunya sebarang masalah ketika melaksanakan proses PdP iaitu di awal, tengah dan akhir.

### **1.8.2 Menganalisis persediaan Guru Bahasa Melayu dalam mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK.**

Kajian ini juga dijalankan dengan tujuan memberi kepentingan kepada guru Bahasa Melayu untuk melihat persediaan yang dilakukan oleh mereka dalam usaha mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK dalam PdP yang dilaksanakan. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap guru haruslah menyediakan pelbagai persediaan dan perancangan yang rapi dan tersusun oleh mereka sebelum memulakan kelas. Perkara ini menunjukkan bahawa persediaan yang dilakukan akan dapat memastikan proses pembelajaran dijalankan dengan lancar. Pelbagai alternatif dan tarikan yang





menggunakan BBM sudah tentu perlu dirancang dan disediakan oleh guru untuk memupuk minat murid-murid agar sentiasa memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pembelajaran yang disampaikan oleh guru. Tuntasnya, guru mempunyai peranan penting sebagai pengurus bilik darjah. Oleh itu guru perlu menyiapkan diri dengan kemahiran yang baik dalam pelbagai aspek terutamanya perkara yang berkaitan dengan strategi pengajaran.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji akan menganalisis persediaan guru-guru Bahasa Melayu untuk mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK. Jelaslah bahawa guru Bahasa Melayu perlu membuat persediaan dari pelbagai aspek yang berkaitan komputer atau TMK serta aspek pengajaran yang berkaitan tentang kemahiran, ilmu pengetahuan, teori pengajaran, sukanan pelajaran dan kesediaan secara kendiri meliputi keyakinan diri demi kepentingan di dalam bidang pendidikan. Oleh itu, hasil kajian ini akan memberi pendedahan lanjut kepada guru Bahasa Melayu dalam mengaplikasikan BBM berdasarkan TMK dalam PdP di sekolah menengah. Hal ini kerana, perancangan dan persediaan oleh guru dalam menguasai kemahiran mengaplikasikan TMK yang dilakukan secara profesional akan dapat merangka segala perubahan positif di dalam diri murid-murid.

### **1.8.3 Memberi pendedahan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menambah baik penerapan BBM berdasarkan TMK.**

Kajian ini turut mempunyai kepentingan lain iaitu dapat memberi pendedahan kepada pihak KPM bagi menambah baik penerapan BBM yang berdasarkan TMK terutamanya dalam meningkatkan kenahiran guru dalam menyampaikan isi pengajaran. Penglibatan pihak KPM sangat penting untuk meningkatkan penguasaan guru terutamanya guru Bahasa Melayu agar menjadi pendidik yang professional. Hal ini kerana penggunaan BBM merupakan sebahagian daripada strategi guru untuk merangsang minat serta tumpuan murid-murid terhadap proses pembelajaran yang akan meningkatkan pemerolehan pengetahuan di dalam diri mereka. Oleh itu, pelbagai langkah perlu dilakukan oleh pihak KPM bagi meningkatkan penggunaan TMK dalam proses PdP





seperti menerapkannya sebagai BBM. Hal ini kerana, TMK merupakan alternatif yang mampu membantu guru meningkatkan kualiti PdP yang dilaksanakan.

Justeru itu, bagi melahirkan murid-murid yang mempunyai sikap inovatif dan kreatif sudah tentu memerlukan penerapan inovasi dalam pembelajaran yang bermula dari peringkat sekolah. Oleh hal yang demikian, sistem pendidikan yang menekankan hasil kerjasama pelbagai pihak seperti KPM, KPT dan bersama institusi-institusi pendidikan lain perlu meneliti penyebab berlakunya jurang di dalam PdP yang telah wujud dari peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, IPTA serta IPTS. Pihak KPM perlu menetapkan kurikulum yang dapat mewujudkan PdP yang berkesan dengan menerapkan penggunaan BBM berdasarkan TMK. Langkah ini akan dapat melatih pemikiran murid menjadi individu yang lebih cemerlang. Oleh itu, penerapan inovasi PdP seperti pengaplikasian BBM yang berdasarkan TMK dapat melahirkan murid-murid yang seimbang dari segi pemikiran untuk menjana idea-idea yang lebih kreatif dan inovatif ketika mereka mengikuti proses PdP.



Kajian ini akan menunjukkan bahawa pemilihan BBM yang sesuai dan menarik perlu digunakan dalam proses PdP. Hal ini sangat penting kerana ia dapat mempertingkatkan kejayaan pembelajaran, terutamanya dalam proses PdP Bahasa Melayu. Strategi pembelajaran yang menggunakan BBM berdasarkan TMK akan dapat menambah kefahaman murid-murid. Hal ini kerana, guru yang berbakat dan berkemahiran mengaplikasikan TMK akan menerapkan penggunaan komputer serta kemudahan internet secara efektif untuk membantu murid-murid mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan.





## 1.9 Batasan Kajian

Pelaksanaan kajian ini mempunyai beberapa batasan yang telah ditetapkan. Kajian ini akan membincangkan tentang pengaplikasian BBM yang berasaskan TMK dalam pengajaran bahasa Melayu. Lokasi kajian adalah di negeri Pahang, pemilihan negeri dilakukan atas kesesuaian lokasi tempat tinggal dengan sasaran respondan. Batasan kajian ini ditetapkan bagi memudahkan pihak pengkaji untuk mendapatkan responden yang ramai. Secara tidak langsung, pengkaji akan mendapatkan data kajian dengan lebih cepat semasa melaksanakan kajian. Kajian ini hanya melibatkan guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah menengah sebagai sampel kajian. Kajian ini telah dilaksanakan dengan mengambil 70 orang guru secara rawak yang terdiri daripada pelbagai latar belakang tempat mengajar. Fokus kajian ini tertumpu terhadap tahap pengetahuan, tahap penggunaan, persepsi guru Bahasa Melayu serta hubungkaitnya dalam pengaplikasian BBM berasaskan TMK semasa proses pembelajaran Bahasa Melayu.



Selain itu, kajian ini dilaksanakan dengan membuat tinjauan yang menggunakan borang soal selidik. Instrumen ini dipilih kerana mengikut konteks yang bersesuaian dengan kajian ini. Dapatan kajian akan diperoleh berdasarkan respon yang diberikan oleh guru Bahasa Melayu. Soal selidik tersebut mempunyai beberapa item yang mengajukan pelbagai soalan mengikut bahagian yang ditetapkan berkaitan tahap pengetahuan, tahap penggunaan serta persepsi guru Bahasa Melayu terhadap kepentingan pengaplikasian BBM berasaskan TMK. Kajian ini memfokuskan BBM yang berasaskan TMK untuk melihat persediaan yang dibuat oleh guru Bahasa Melayu dalam menerapkan PAK-21 pada zaman yang dipenuhi dengan teknologi. Oleh itu, diharapkan melalui batasan kajian yang ditetapkan oleh pengkaji dapat dijadikan rujukan serta bermanfaat kepada para pengkaji akan datang.





## 1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional mengandungi aspek penelitian yang menyediakan maklumat yang jelas kepada pengkaji. Definisi operasional dalam kajian yang dijalankan akan menjadi petunjuk dan memudahkan para pembaca atau peneliti lain memahami setiap maksud perkataan yang digunakan. Definisi yang dinyatakan mengandungi maklumat-maklumat penting dalam penelitian kajian ilmiah ini kerana dapat membantu pengkaji untuk melakukan kajian dan penelitian dengan sebaik mungkin. Istilah-istilah yang sering digunakan di dalam kajian ini telah disenaraikan seperti berikut:

### 1.10.1 Bahan Bantu Mengajar (BBM)

BBM adalah bahan yang digunakan oleh guru untuk membantunya dalam menyampaikan isi pengajaran di dalam kelas kepada murid-murid. BBM bukan sekadar terhad kepada buku teks, gambar-gambar, papan putih atau pen marker sahaja tetapi merangkumi pelbagai bahan yang digunakan oleh guru dalam PdP melibatkan semua kemahiran serta perkara yang dapat dialami oleh murid-murid.

Maksud BBM bagi konteks kajian ini merujuk kepada BBM yang berasaskan TMK dan digunakan sebagai bahan pengajaran yang boleh diterapkan oleh guru Bahasa Melayu pada masa kini kerana ia bergantung kepada perkakasan (*hardware*) dan juga perisian (*software*). Perkakasan merupakan bahagian-bahagian utama yang terdapat di dalam sistem komputer. Perkakasan mengandungi komponen yang berbentuk fizikal. Perisian merupakan sesuatu program komputer yang mempunyai satu set arahan bahasa spesifik yang mengarahkan sesebuah komputer untuk melaksanakan operasi ke atas data yang terkandung dalam program yang dijalankan oleh pengguna. BBM dapat dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu media elektronik dan bukan elektronik. Media elektronik terdiri dari radio, televisyen, filem, pita, slaid filem, sisipan filem dan sebagainya. Bagi media bukan elektronik pula termasuklah buku teks, buku cerita, carta, surat khabar, majalah, majalah dewan bahasa, kad imbasan, papan putih, rajah dan segala objek maujud yang boleh disediakan atau dihasilkan oleh guru.





Jelaslah bahawa, BBM dapat dikenali sebagai bahan yang boleh dibentuk dalam media elektronik atau bukan elektronik. BBM juga dapat disampaikan melalui komunikasi verbal dan dijelaskan dengan mengaplikasikan bahan yang disediakan oleh guru. Penggunaan BBM dalam proses PdP akan dapat membantu murid-murid untuk memahami isi kandungan yang disampaikan. Malahan, penggunaan BBM berdasarkan TMK akan melibatkan pelbagai penggunaan media pengajaran serta dapat membantu guru memupuk murid untuk belajar secara aktif ketika melaksanakan PdP kerana BBM yang dihasilkan dapat menarik minat mereka terhadap pembelajaran, mewujudkan suasana yang ceria serta dapat menambah baik interaksi antara guru dengan murid ketika membuat perbincangan berkaitan topik pembelajaran.

### **1.10.2 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)**

TMK adalah alat yang digunakan oleh pengguna untuk mengubah, menyimpan, serta mendapatkan sebarang maklumat dengan mudah. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) atau *Information and Communication Technology (ICT)* merupakan teknologi yang berfungsi untuk melakukan pemrosesan data. TMK meliputi segala aspek dalam pengurusan serta pemrosesan data. TMK akan melibatkan penggunaan komputer dan perisian. TMK juga telah dikenali sebagai pemudahcara yang membantu proses penyampaian maklumat dengan sangat pantas kerana TMK tidak terbatas kepada penggunaan internet dan komputer semata-mata tetapi ia melibatkan pelbagai peralatan teknologi lain seperti televisyen, telefon pintar, media sosial serta sistem satelit yang berfungsi untuk menyalurkan maklumat kepada pengguna.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, TMK didefinisikan sebagai teknologi yang berkaitan dengan pemerolehan, pemrosesan dan penyebaran maklumat melalui penggunaan pelbagai teknologi serta sistem telekomunikasi. Berdasarkan peredaran zaman, TMK telah digunakan dengan sebaiknya di dalam pelbagai bidang termasuklah bidang pendidikan serta dapat digunakan dalam semua aspek kehidupan. Pengaruh TMK telah membawa impak yang besar terhadap generasi masa kini. Guru seharusnya mengaplikasikan TMK untuk menambah baik di dalam proses PdP yang dijalankan.





Hal ini kerana, TMK yang digunakan dalam PdP akan dapat membentuk kaedah-kaedah pembelajaran yang baru serta berinovasi kepada murid-murid.

### 1.10.3 Pengajaran

Pengajaran merupakan satu proses yang menekankan empat elemen utama yang perlu dititikberatkan oleh seseorang guru iaitu objektif PdP, pengetahuan sedia ada murid, strategi mengajar dan pentaksiran pengajaran. Elemen-elemen yang dinyatakan ini akan mempengaruhi antara satu sama lain dalam proses PdP di dalam bilik darjah. Menurut Kamurudin Hj. Hussin (2014) menyatakan bahawa pengajaran adalah elemen yang melibatkan emosi, nilai dan tingkah laku seseorang murid. Pengajaran akan lebih berkesan sekiranya elemen tersebut ditekankan kepada murid-murid. Oleh itu, proses PdP yang dilaksanakan oleh para guru di dalam kelas memerlukan interaksi secara dua hala di dalam kelas bagi mengalakkan tindak balas daripada murid semasa proses PdP yang dijalankan.



Pengajaran turut didefinisikan sebagai aktiviti yang dilaksanakan oleh guru bersama murid-murid. Pengajaran bagi konteks kajian ini merupakan perkara yang dirancang oleh guru secara teliti sebelum melaksanakannya. Pengajaran juga akan diaplikasikan dengan menggunakan teknik atau strategi pengajaran yang tepat untuk membimbang, memberi galakan serta meningkatkan semangat murid agar mengambil langkah untuk belajar bagi mendapatkan ilmu serta menambah kemahiran yang diperlukan mengikut perancangan harian guru. Pengajaran juga mengandungi elemen penting untuk diterapkan oleh guru dalam proses penyampaian dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Pengajaran yang berkesan akan dapat dihasilkan melalui proses penyampaian maklumat dan memberikan pengalaman baru kepada murid-murid untuk mengubah tingkah laku mereka semasa di dalam kelas. Perubahan tingkah laku murid akan diperhatikan melalui kefahaman serta kemahiran yang diperoleh semasa sesi pengajaran dilaksanakan.





#### 1.10.4 Pembelajaran

Pembelajaran dapat didefinisikan sebagai pemerolehan maklumat, peningkatan sesuatu kemahiran dan sikap serta pembentukkan tingkah laku seseorang murid. Proses pembelajaran sentiasa berlaku sepanjang hidup seseorang individu sebaik sahaja dilahirkan ke dunia. Pembelajaran juga dapat memupuk perkembangan emosi, tingkah laku serta nilai bagi seseorang individu. Pembelajaran yang diperoleh akan membawa perubahan di dalam diri seseorang. Makna pembelajaran telah diberikan definisi oleh tokoh psikologi di dalam bidang pendidikan iaitu Robert M Gagne dalam buku '*The Coonditions of Learning*' (1970), pembelajaran merupakan kemahiran seseorang yang dapat ditambah namun, proses pembelajaran tidak berlaku disebabkan oleh pertumbuhan. Perubahan yang berlaku dalam proses pembelajaran dapat dilihat melalui perubahan tingkah laku. Perubahan tersebut dapat dibandingkan sebelum dan selepas murid didedahkan kepada situasi pembelajaran sebenar.

Melalui definisi pembelajaran yang telah disenaraikan, jelas menunjukkan bahawa pembelajaran adalah proses pemerolehan pengetahuan oleh seseorang individu bagi membentuk sikap. Jelaslah bahawa, pembelajaran merupakan penyesuaian tingkah laku setelah memperolehi banyak pengalaman. Hal ini demikian kerana, pembelajaran yang diperolehi dapat mengalakkan pemerolehan pengetahuan yang dilakukan melalui satu perlakuan dan teknik tertentu yang bersifat saintifik dan sistematik. Pernyataan ini bertepatan dengan Kimble (1961) dalam '*Pedagogi Asas Pendidikan Edisi Baharu*' (2014) menyatakan bahawa pembelajaran merupakan proses perubahan potensi tingkah laku yang akan berlaku setelah membuat peneguhan ke atas seseorang individu.

Proses pembelajaran akan melibatkan aspek mental, fizikal, emosi serta sosial. Pembelajaran turut dikelaskan kepada tiga jenis iaitu Pembelajaran Formal, Pembelajaran Informal dan Pembelajaran Non-Formal. Oleh itu, pembelajaran akan diperoleh seseorang individu secara berterusan. Pembelajaran dalam konteks kajian ini akan memfokuskan berkaitan garis panduan yang betul kerana guru yang mengajar di sekolah boleh merancang dengan lebih sempurna menggunakan bahan yang bersesuaian mengikut tahap murid untuk menghasilkan pembelajaran yang lebih berkesan.





### 1.10.5 Bahasa Melayu

Bahasa Melayu telah ditakrifkan sebagai bahasa perantara dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Hal ini kerana, pelbagai bangsa serta kaum yang menetap di Malaysia menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantara ketika melakukan komunikasi harian mereka. Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang digunakan oleh seluruh rakyat Malaysia. Pertumbuhan dan perkembangan Bahasa Melayu telah dipelajari dan menjadi alat komunikasi yang mampu menyampaikan gambaran serta menyuarakan perasaan. Tambahan pula, Bahasa Melayu merupakan bahasa perantara atau *lingua franca* yang diguna pakai dalam sistem pentadbiran di Malaysia. Bahasa Melayu turut berkembang dan telah dijadikan bahasa kebangsaan untuk mengangkat peranan bahasa sebagai pembentuk entiti yang disebut sebagai ‘negara’.

Selain itu, Bahasa Melayu di dalam sistem pendidikan telah menjadi subjek yang wajib diambil oleh murid-murid yang belajar di peringkat sekolah menengah di seluruh Malaysia. Akta Pendidikan 1996 telah memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu harus menjadi bahasa pengantar yang digunakan di semua institusi kecuali sekolah jenis kebangsaan atau mana-mana institusi pendidikan lain yang telah dikecualikan oleh Menteri Pendidikan di bawah seksyen 28 (Akta Pendidikan, 1996). Hal ini jelas menunjukkan bahawa murid yang mengikuti pembelajaran di institusi pendidikan dalam negara ini wajib mempelajari Bahasa Melayu kerana bahasa Melayu adalah bahasa pengantar di Malaysia.

### 1.11 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini merupakan pengenalan terhadap kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji dengan tujuan menjelaskan berkenaan latar belakang kajian serta tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan, tahap penggunaan serta persepsi guru Bahasa Melayu terhadap kepentingan ketika mengaplikasikan BBM berasaskan TMK dalam PdP Bahasa Melayu.

